

Syarikat patut usahakan inovasi, kreativiti IP untuk kekal bersaing

KUALA LUMPUR 18 Dis. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Abdul Razak berkata, syarikat-syarikat Malaysia patut berusaha untuk dibezakan dan menggerakkan perniagaan-perniagaan dan industri-industri mereka menaiki rantai nilai ekonomi melalui inovasi dan kreativiti harta intelek (IP) untuk kekal berdaya saing.

"Dalam era globalisasi dan liberalisasi, kita kian menghadapi penghakisan halangan-halangan perdagangan. Tiada sesiapa akan kebal daripada persaingan.

"Malahan jika kita tidak berdagang melampaui perbatasan negara kita, kita akan masih bersaing dengan syarikat-syarikat asing di dalam pasaran tempatan," katanya

pada upacara Anugerah Usahawan Ernst & Young Entrepreneur Tahun 2006 di sini malam ini.

Turut hadir ialah isteri beliau Datin Seri Rosmah Mansor dan pengerusi Ernst & Young Malaysia, Datuk Dr. Abdul Samad Alias.

Najib berkata, syarikat-syarikat hendaklah mempersiapkan diri mereka sendiri untuk menghadapi cabaran mengukir *niche* persaingan ini sekarang.

"Sekiranya kita mahu bersaing, kita perlu lebih kreatif daripada negara-negara lain.

"Kita tidak boleh bergantung kepada bersaing berasaskan kecekapan kos semata-mata. Sebagai sebuah negara bangsa, kita mesti berusaha untuk penambahbaikan berterusan dan berubah ke dalam

UM- 19/12/2006
ekonomi berasaskan ilmu dan pembangunan IP akan menjadi sebahagian penting, ekonomi ilmu ketika Malaysia bergerak ke arah Wawasan 2020," katanya.

Najib berkata, kerajaan menghargai usaha-usaha Ernst & Young ke arah pengiktirafan dan menggalakkan semangat keusahawanan di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata, usaha-usaha seumpama itu adalah amat disanjung dan "kami ingin menggalakkan lebih banyak pertubuhan menerajui dan menjadi contoh dalam meraikan kejayaan keusahawanan."

Najib berkata, kerajaan sentiasa bersedia menyokong semangat keusahawanan.

Katanya, kerajaan telah menggerakkan

Skim Usahawan Muda di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, kursus-kursus latihan dan Program Siswazah Prosper.

"Pembangunan perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana Malaysia yang dimiliki dan diusahakan sebahagian besarnya oleh usahawan-usahawan tempatan, telah juga menjadi titik tumpuan dan pelbagai kementerian, pihak-pihak berkuasa berkaitan dan persatuan-persatuan perdagangan termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Smidec, Matrade, NPC dan Mida terus menyediakan pelbagai galakan bagi menggalakkan pertumbuhannya," katanya.

- Bernama